

03 SEP 1996
Najib-KBSM
KBSM AKAN DINILAI SEMULA

GENTING HIGHLANDS, 3 Sept (Bernama) -- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan sejak tahun 1989 akan dinilai semula bagi membolehkannya diserap dengan ciri-ciri pendidikan teknologi canggih dan teknologi maklumat, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ini juga bagi menyediakan sistem pendidikan dalam KBSM lebih bersifat futuristik, kos efektif dan tidak terlalu bergantung kepada peperiksaan tetapi berteraskan sains dan teknikal.

"Ini kerana KBSM yang sedia ada belum dapat menyediakan komponen teknologi maklumat dan canggih dalam sistem pendidikan negara kini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM - Isu dan Hala Tuju Strategik Ke Arah Abad 21 di Institut Aminuddin Baki di sini hari ini.

Pendidikan bercirikan teknologi canggih dan teknologi maklumat itu akan mampu melahirkan pelajar yang mempunyai minda yang dinamik dan agresif, katanya.

Najib menjelaskan bahawa penilaian semula itu juga akan mengkaji mengenai kemerosotan jumlah pelajar memilih mata pelajaran Sains sebagai mata pelajaran pilihan dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), katanya.

Najib berkata pada tahun lepas hanya 85,000 pelajar mengambil mata pelajaran sains sebagai pilihan berbanding 95,000 pelajar 10 tahun lepas.

Kajian juga akan dijalankan untuk mengubah cara pengajaran mata pelajaran sains dan teknikal bagi menarik minat pelajar di samping memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka memilih mata pelajaran itu, katanya.

"Apa yang berlaku kini ialah pelajar terutama di kawasan luar dan pinggir bandar berasa takut untuk memilih mata pelajaran sains kerana beranggapan risikonya tinggi, takut gagal dan bimbang tidak boleh menguasainya," katanya.

Kepada soalan kemungkinan pelajar menjadikan pengalaman pelajar aliran sains sukar mendapat kerja pada sekitar tahun 80an sebagai alasan, Najib berkata keadaan sudah berubah dan perkara itu berlaku pada zaman kemelesetan.

Beliau berkata kini sudah ada anjakan dalam ekonomi dunia dengan 80 peratus kerja-kerja baru tertumpu pada bidang industri berteknologi canggih dan teknologi maklumat.

Ini juga sebagai persediaan merealisasikan impian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membolehkan pengwujudan koridor raya multimedia dimanfaatkan oleh warganegara Malaysia.

"Jika kita tidak bersedia untuk menyahut cabaran dan merebut peluang itu, sudah pasti koridor raya multimedia itu akan dipenuhi oleh warganegara asing dan Malaysia akan hadapi keadaan yang kritikal," katanya.

Najib berharap menerusi seminar lima hari itu akan menghasilkan cadangan-cadangan baru untuk memantapkan lagi program KBSM selaras dengan matlamat mewujudkan sistem pendidikan negara yang unggul dan bertaraf dunia.

Sebanyak 57 kertaskerja akan dibincangkan pada seminar yang bertemakan Penilaian KBSM: Matlamat, Pelaksanaan, Implikasi Dasar dan Tatacara Tindakan anjuran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. --

BERNAMA

RHM RON